

ESSENTIALE[®] MAX 600mg

Phospholipid from soybeans 600mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Essentiale MAX 600mg
2. Bagaimana Essentiale MAX 600mg
3. berfungsi
4. Sebelum mengambil Essentiale MAX 600mg
5. Cara menggunakan Essentiale MAX 600mg
6. Semasa menggunakan Essentiale MAX 600mg
7. Kesan-kesan sampingan
8. Cara penyimpanan dan pelupusan Essentiale MAX 600mg
9. Maklumat lanjut
10. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk
11. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Essentiale MAX 600mg

Essentiale MAX 600mg digunakan sebagai nutrisi tambahan dalam pengurusan hati yang rosak (akibat penyakit kronik hati, sirosis hati, hati berlemak dan intoksikasi oleh bahan- bahan hepatotoxic).

Bagaimana Essentiale MAX 600mg berfungsi

- Essentiale MAX 600mg mengandungi fosfolipid yang penting (dari soya kacang) yang berfungsi dengan melindungi hati dan membantu mengekalkan fungsi hati yang normal.
- Pengambilan Essentiale MAX 600mg setiap hari boleh mengeluarkan deposit lemak yang terdapat di dalam hati, meningkatkan fungsi detoksifikasi hati dan memulihkan struktur sel-sel hati.

Sebelum mengambil Essentiale MAX 600mg

- Bila tidak boleh menggunakannya
Jangan mengambil Essentiale MAX 600mg jika:

- Jika anda mempunyai hipersensitif (alah) terhadap fosfolipid kacang soya, protein

soya, kacang tanah atau terhadap mana-mana bahan lain tersenarai dalam seksyen 8 dalam ubat ini.

Ubat ini mengandungi minyak soya, yang boleh menyebabkan dalam kes yang jarang berlaku tindak balas alahan yang teruk.

- Sebelum mula menggunakannya

Jika gejala anda bertambah teruk atau jika gejala lain yang tidak jelas muncul. Dalam kes ini, anda perlu berunding dengan doktor. Penggunaan ubat ini tidak menggantikan penggunaan bahan yang merosakkan hati (cth. alkohol). Jika anda mengalami keradangan hati kronik (*hepatitis*), rawatan sokongan dengan ubat ini hanya wajar jika anda melihat penambahbaikan dalam gejala anda.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doctor atau ahli farmasi and ajika anda sedang mengambil atau baru-baru ini mengambil ubat lain, termasuk ubat jenis tanpa preskripsi. Interaksi antara Essentiale MAX 600mg dan ubat lain yang menghalang pembekuan darah tidak boleh dikecualikan. Oleh itu, penyusaian dos mungkin diperlukan. Jika anda mengambil Essentiale MAX 600 mg dan ubat yang menghalang pembekuan darah pada masa yang sama, anda harus memaklumkan kepada doktor anda.

Cara menggunakan Essentiale MAX 600mg

Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti.

- Menelan kapsul anda secara oral dengan segelas air.

-Berapa banyak harus digunakan

Dewasa

- Dos adalah 1 kapsule 3 kali sehari (Jumlah dos harian: 1800mg fosfolipid dari kacang-soya)

- Jangan mengambil lebih daripada 3 kapsule sehari (1800mg fosfolipid dari soya-kacang)

Essentiale MAX 600mg tidak boleh digunakan kepada kanak-kanak dan remaja di bawah umur 18 tahun.

-Bila perlu digunakan

Ambil Essentiale MAX 600mg pada waktu yang sama setiap hari.

-Berapa lama perlu digunakan

Terus mengambil ubat anda selama doktor anda memberitahu anda.

-Jika anda terlupa menggunakan

- Jika anda terlupa satu dos, mengambil sebaik sahaja anda ingat.
- Walau bagaimanapun, jika ia hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang terlepas.
- Jangan cuba untuk mengganti dos terlepas dengan mengambil lebih daripada satu dos pada satu-satu masa.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Tiada gejala terlebih dos atau keracunan diketahui untuk Essentiale MAX 600 mg.

Ada kemungkinan kesan sampingan yang disenaraikan di bawah boleh berlaku dengan keamatan yang lebih besar. Dalam kes ini, sila maklumkan kepada doktor. Doktor anda boleh memutuskan sama ada sebarang langkah perlu diambil.

Semasa menggunakan Essentiale MAX 600mg

-Perkara yang perlu dilakukan

Kehamilan dan menyusukan bayi
Jangan mengambil Essentiale MAX 600mg jika:

- Anda sedang mengandung atau fikir anda mungkin mengandung.
- Anda sedang menyusukan bayi.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan memberikan produk ini kepada orang-orang lain,

ESSENTIALE[®] MAX 600mg

Phospholipid from soybeans 600mg

walaupun mereka mempunyai keadaan yang sama seperti anda.

- Jangan gunakan produk ini untuk merawat sebarang aduan lain melainkan jika doktor anda memberitahu anda.
- Jangan berhenti mengambil Essentiale MAX 600mg, atau menukar dos, tanpa memeriksa dengan doktor anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan mesin Essentiale MAX 600mg tidak mempunyai apa-apa kesan sampingan yang boleh menjejaskan keupayaan anda untuk memandu dan menggunakan mesin.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat-ubatan mempunyai beberapa kesan sampingan yang tidak diingini tetapi bukan semua orang akan mengalaminya. **Tanda-tanda atau kesan sampingan penting yang perlu anda ketahui dan langkah-langkah yang perlu diambil jika anda mengalami kesan sampingan:**

Tidak diketahui (kekerapan tidak boleh dianggarkan daripada data yang tersedia):

- Peningkatan tekanan darah
- Berdebar-debar (palpitasi)
- Pening
- Gangguan perut seperti mual, najis lembut dan/atau cirit-birit.
- Reaksi alahan, cth. ruam kulit dan gatal-gatal (*pruritus*).

Jika anda mendapati anda mengalami sebarang kesan sampingan yang disenaraikan di atas, terutamanya tindak balas hipersensitiviti, hentikan pengambilan Essentiale MAX 600 mg dan maklumkan kepada doktor anda. Doktor anda boleh menentukan tahap keterukan kesan sampingan dan memutuskan sama ada sebarang langkah perlu diambil.

Jika anda mengalami sebarang kesan sampingan, maklumkan kepada doctor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan buruk ubat tersebut kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Essentiale MAX 600mg

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang sebarang aspek perubatan anda, atau sebarang pertanyaan mengenai maklumat di dalam risalah ini, sila berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

-Penyimpanan

- Simpan ubat ini di tempat yang selamat di mana kanak-kanak tidak dapat melihat atau mencapai.
- Jangan menggunakan Essentiale MAX 600mg selepas tarikh tamat tempoh yang dinyatakan pada label dan karton. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.
- Simpan di tempat tidak melebihi suhu 30°C.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak boleh dilupuskan melalui air sisa atau bahan buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar. akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Essentiale MAX 600mg boleh didapati dalam warna khaki-kelabu,

bersize bujur dengan kapsul gelatin lembut.

-Bahan-bahan kandungan:

-Bahan-bahan aktif:

Setiap kapsul mengandungi 600mg fosfolipid yang dikeluarkan dari biji soya.

-Bahan-bahan tidak aktif:

Hard fat, refined soy oil, hydrogenated castor oil, ethyl vanillin, 1-(4- methoxyphenyl) ethanone, 96% ethanol, gelatin, titanium dioxide (E171), iron oxide yellow (E172), iron oxide black (E172), iron oxide red (E172).

-Nombor MAL:

MAL17075026X

Pengilang

A. Nattermann & Cie GmbH
Nattermannallee 1, D-50829, Koln, Germany.

Pemegang Pendaftaran Produk

DKSH Malaysia Sdn Bhd
B-11-01, The Ascent, Paradigm No. 1, Jalan SS7/26A, Kelana Jaya 47301, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

04/06/2023 (rujukan SmPC tarikh 09 2022)

Nombor Siri

NPRA(R2/1)211029/769